

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI : KP29, KP32, KP38, KP40**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c)
    - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00);  
atau
    - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00);  
atau
    - (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00);  
atau
    - (iv) diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,770.95).
  - dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
    - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
    - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
    - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
    - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm dan 84 sm ukuran dada yang biasa dan semasa menarik nafas (lelaki sahaja).
    - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
    - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

	(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1c(i), 1c(ii) dan 1c(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau</li> <li>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</li> <li>(b) had umur pelantikan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</li> <li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</li> <li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</li> </ul> </li> </ul>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN</b>	7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memenuhi tempoh percubaan;</li> <li>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan</li> <li>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI</b>	10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP32</b>	11. Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP32 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> </ul>

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED KP38**

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

12. Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP38 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED KP40**

13. Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP40 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI KESELAMATAN  
GRED KP41**

14. Penolong Pegawai Keselamatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2013).